



SIARAN MEDIA

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PENGENDALIAN PERINGKAT PERTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021

Tarikh: 18 Februari 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang mengendalikan Peringkat Pertama Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 bagi Negara Brunei Darussalam iaitu Penyенераian Tempat Kediaman (*Houselisting*) yang telah bermula pada 20 Januari 2021 dan dijadualkan akan berakhir pada 21 Februari 2021.
2. Pengendalian Peringkat Pertama ini melibatkan kesemua tempat-tempat kediaman di seluruh negara. Pegawai-Pegawai Banci akan mengunjungi tempat-tempat kediaman untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan. Di antara maklumat yang dikumpulkan termasuk nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir dan nombor telefon bagi ketua dan setiap ahli isirumah yang tinggal di rumah berkenaan. Seterusnya, Pegawai-Pegawai Banci akan juga memasang pelekat bagi setiap tempat kediaman.
3. BPP 2021 meliputi semua orang, sama ada rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau penduduk sementara, di tempat tinggal biasa mereka, iaitu merujuk kepada mereka yang telah atau akan tinggal sebagai ahli biasa isi rumah bagi tempoh 6 bulan atau lebih pada tahun 2021.
4. Secara umumnya, setakat ini, respons dari orang ramai adalah sangat menggalakkan. JPES amat menghargai kerjasama yang diberikan dari semua isirumah / keluarga dan juga pelbagai pihak dalam menjayakan kerja-kerja luar BBP 2021 ini. Dalam hal ini, jika terdapat isirumah atau keluarga yang belum dikunjungi oleh Pegawai-Pegawai Banci, adalah disarankan untuk menghubungi JPES dengan seberapa segera.

5. Ketua atau ahli isirumah adalah diingatkan supaya memastikan Pegawai Banci yang datang membuat lawatan adalah mereka yang telah dilantik oleh JPES dengan memeriksa pas banci, surat lantikan dan kad pengenalan mereka.
6. Mana-mana isirumah yang mempunyai binatang peliharaan seperti anjing adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dengan menambat atau mengurung anjing-anjing mereka semasa Pegawai-Pegawai Banci membuat lawatan.
7. BPP 2021 dilaksanakan di bawah Akta Banci, Penggal 78 dari Undang-undang Negara Brunei Darussalam. Akta Banci ini mewajibkan orang ramai menjawab semua soalan banci dan menjamin bahawa maklumat individu adalah disimpan sulit dan dirahsiakan. Kegagalan untuk berkerjasama atau tidak mahu memberikan maklumat dikehendaki adalah satu kesalahan. Jika sabit kesalahan, boleh didenda sebanyak BND2,500.00 dan dipenjarakan selama enam (6) bulan.
8. Untuk sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021 ini boleh dirujuk ke JPES seperti berikut:

Telefon : 2230265 or 2230250 (waktu pejabat)
Hotline : 8382021, 8382022 (Brunei Muara)
8382023 (Belait)
8382024 (Tutong)
8382025 (Temburong)
Talian Darussalam : 123
E-mel : support.brucensus@jpes.gov.bn

11. Maklumat lanjut mengenai BPP 2021 juga boleh didapati di dalam portal BPP 2021 www.brucensus.gov.bn. "Pastikan awda dihitung untuk masa depan kitani".